

Pembangkang akui BR1M berjaya

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Pakatan pembangkang hari ini mengakui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan program yang berjaya.

Walau bagaimanapun, Pengerusi Biro Pelaburan dan Perdagangan PKR, Wong Chen berkata, program yang dilaksanakan pada 2012 itu perlu diteliti khususnya dalam aspek pemberian subsidi kepada golongan sasaran.

Katanya, kaedah pemberian BR1M juga perlu diperbaiki dengan memastikan golongan sasaran menerima jumlah subsidi secara formal dan terus.

"Adalah tidak berkesan jika BR1M diberikan kepada golongan sasaran atas sebab mereka miskin semata-mata, sebaliknya perlu juga memasukkan beberapa program yang bersifat intensif.

"Misalnya, golongan sasaran perlu berusaha mendapatkan pekerjaan



Adalah tidak berkesan jika BR1M diberikan kepada golongan sasaran atas sebab mereka miskin semata-mata, sebaliknya perlu juga memasukkan beberapa program yang bersifat intensif."

WONG CHEN

Pengerusi Biro Pelaburan dan Perdagangan PKR

terlebih dahulu sebelum layak untuk menerima BR1M. Kaedah ini telah diguna pakai di beberapa negara lain seperti Amerika Syarikat dan Australia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pembentangan Be-

lanjawan Alternatif Malaysia 2017 yang dirasmikan Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di bangunan Parlimen hari ini.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi PAN Johor, Dr. Dzulkefly Ahmad memberitahu, BR1M merupakan program jangka pendek yang tidak boleh digunakan untuk mengukur prestasi pendapatan negara.

Katanya, bagi merealisasikan hasrat mencapai negara berpendapatan tinggi, pelbagai strategi lain perlu dilaksanakan termasuk program-program keusahawanan.

Sementara itu, Pengarah Strategi Pilihan Raya DAP, Dr. Ong Kian Ming berkata, kerajaan Pulau Pinang juga berhasrat melaksanakan pemberian wang bersyarat bagi menggantikan BR1M.

Katanya, kaedah tersebut bagi mengelakkan kebergantungan golongan sasaran terhadap pemberian wang semata-mata.

UTUSAN 20/10